



Bank Pilihan Anda

## **BANK RAKYAT PERKENAL DUA INISIATIF DIGITAL AR-RAHNU PERTAMA DI MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR, 19 MEI 2026** – Bank Rakyat baru-baru ini memperkenalkan dua inisiatif digital baharu, **Virtual Ar-Rahnu-i** dan **Pembiayaan Semula Ar-Rahnu (e-Overlap)**, bagi mempertingkatkan pengalaman pelanggan melalui penyelesaian pembiayaan digital yang pantas, mudah diakses dan lebih fleksibel melalui platform laman web iRakyat.

Virtual Ar-Rahnu-i membolehkan pelanggan individu yang juga pemegang Akaun-i eGold mendapatkan tunai dengan mudah melalui platform iRakyat menggunakan simpanan emas digital sebagai cagaran. Kemudahan ini menawarkan jumlah pembiayaan fleksibel daripada RM100 hingga RM500,000, tertakluk pada kelayakan, serta memberi kelebihan utama kepada pelanggan untuk mendapatkan tunai segera tanpa perlu menjual emas, sekali gus membolehkan mereka mengekalkan baki emas dalam Akaun-i eGold dan terus menikmati potensi kenaikan nilainya pada masa hadapan.

Manakala, inisiatif Pembiayaan Semula Ar-Rahnu (e-Overlap) menawarkan kemudahan pembiayaan semula yang membolehkan pelanggan Ar-Rahnu sedia ada mendapatkan jumlah pembiayaan yang dikemas kini berdasarkan harga emas semasa tanpa perlu hadir ke cawangan atau Ar-Rahnu X'Change. Kemudahan ini menawarkan margin pembiayaan sehingga RM350,000 dengan had maksimum 80% daripada nilai emas semasa.

“Bagi Pembiayaan Semula Ar-Rahnu (e-Overlap), sekiranya harga emas meningkat, pelanggan berpeluang memperoleh pembiayaan tambahan secara dalam talian melalui platform perbankan internet iRakyat tanpa perlu membuat gadaian baharu atau hadir ke cawangan atau Ar-Rahnu X'Change,” menurut Bank Rakyat dalam satu kenyataan.



Bank Pilihan Anda

Pelaksanaan kemudahan ini adalah secara layan diri (self-service) melalui perbankan internet iRakyat yang boleh diakses pada bila-bila masa, termasuk di luar waktu operasi perbankan, tanpa memerlukan kehadiran fizikal ke cawangan atau Ar-Rahnu X'Change.

Selain menyediakan akses kepada tunai yang lebih cepat, mudah dan selamat, kedua-dua kemudahan ini turut memperkukuh fleksibiliti pelanggan dalam mengurus keperluan kewangan mereka secara lebih berkesan. Selaras dengan kecenderungan pelanggan kepada penyelesaian digital, inisiatif ini menyokong pengurusan kewangan yang lebih efisien sama ada untuk kegunaan kecemasan mahupun perancangan jangka pendek, dengan menawarkan penyelesaian pembiayaan yang lebih responsif dan mudah diakses.

Inisiatif digital Ar-Rahnu pertama di Malaysia ini mencerminkan komitmen Bank Rakyat dalam mempercepatkan pendigitalan perkhidmatan, dengan memberi tumpuan kepada pengalaman pelanggan yang lebih mudah, pantas dan lancar, di samping meningkatkan kecekapan operasi serta memperluas akses pembiayaan patuh Syariah kepada lebih ramai pelanggan.

Seiring dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan kewangan digital, inisiatif ini turut menyokong peralihan kepada urusan layan diri sepenuhnya dalam talian, membolehkan pelanggan mengurus pembiayaan mereka pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan lebih mudah.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my) dan media sosial rasmi @mybankrakyat atau kunjungi cawangan Bank Rakyat yang berdekatan.

**-TAMAT-**